

# Kereta kedua ikut jadual

Ⓥ  
Oleh Norazmi Abdul Talib

SHAH ALAM, Selasa — Pengeluaran kereta nasional kedua dengan kemampuan enjin di antara 600 dan 700cc dan mampu dimiliki rakyat berpendapatan rendah, akan dilaksanakan mengikut jadual.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perjanjian projek usahasama mengenainya sudah pun ditandatangani.

Usahasama itu membatik penyertaan syarikat asing 30 peratus dan bakinya oleh syarikat tempatan.

Syarikat asing terbabit ialah Daihatsu Motor Co Ltd Japan manakala syarikat tempatan diwakili oleh Daihatsu Malaysia Sdn Bhd, Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Medbumikar Mara Sdn Bhd.

“Berdasarkan laporan yang saya terima, projek ini akan berjalan mengikut jadual kerana perjanjian usahasama sudah ditandatangani dan kilang sedang dibina,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang PHN Industry Sdn Bhd di sini, hari ini.

Beliau puas hati melihat rekabentuk dan model kereta yang akan dikeluarkan nanti.

Ditanya kemungkinan ekuiti Daihatsu Japan tu-

rut dipegang oleh syarikat lain, Perdana Menteri berkata, kemungkinan begitu kerana syarikat Jepun tidak merebut monopoli tetapi berkongsi perniagaan.

“Syarikat di Malaysia hendak untung sepenuhnya dan tidak memikirkan kerugian.

“Lebih baik diagihkan saham supaya risiko ditanggung bersama,” katanya.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Dr Mahathir mahu industri komponen serta peralatan kereta tempatan bersaing di pasaran antarabangsa, termasuk menerokai pasaran Asean menerusi usahasama Skim Perindustrian Asean dan Skim Komplementasi dalam industri automotif.

Industri komponen automotif juga akan menerima galakan pasaran Asean kerana Malaysia dan negara Asean lain sedang berusaha melaksanakan Skim Tariff Keutamaan Berkesan Samarata (CEPT) agar dapat mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas Asia (Afta).

Beliau juga berkata, lebih 200 syarikat pengeluaran komponen automotif dan lebih 70 daripada mereka mengeluarkan barangan untuk pasaran asal pengeluaran kenderaan.

“Kerajaan berharap da-

pat membantu mengembangkan pasaran komponen ini melalui dasar skim kandungan tempatan untuk kenderaan penumpang dan komersil,” katanya.

Menurutnya, masih ada ruang mempertingkatkan pengeluaran komponen

serta peralatan dalam industri kenderaan bermotor.

Sejumlah RM2.1 bilion digunakan untuk mengimport kedua-dua barang itu dalam tempoh 11 bulan tahun lalu.

“Komponen ini mungkin boleh dikeluarkan

bagi dibekalkan kepada Proton atau kereta lain atau pun dieksport,” katanya.

Kerajaan memang menggalakkan pelaburan dalam industri dan usahasama asing bagi mendapat peluang pasaran antarabangsa.

“Kerajaan menggalakkan usahasama asing dalam bidang pengeluaran komponen, barangan separuh siap, pengeluaran untuk tujuan eksport dan penubuhan industri khidmat sokongan kejuruteraan,” katanya.